

UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI  
BERKENAAN DENGAN PEMBANGUNAN LUAR  
BANDAR, MELALUI RADIO MALAYA PADA  
7HB SEPTEMBER, 1961

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Pada malam ini, saya suka bercakap kepada tuan-tuan dan puan-puan berkenaan dengan pembangunan—Pembangunan Negara dan terutamanya Pembangunan Luar Bandar. Sebagaimana tuan-tuan sedia maklum, semenjak Pilihanraya Kebangsaan yang pertama, diadakan dalam tahun 1955, Kerajaan Perikatan telah menumpukan segala usaha dan tenaganya terhadap berbagai-bagai rancangan untuk kemajuan dan kebahagiaan negeri kita dan rakyatnya. Tugas yang utama ialah mencapai kemerdekaan. Ini telah dilaksanakan di dalam sempena yang bersejarah pada 31hb Ogos, 1957. Kemudian dari itu, dengan tidak berlengah-lengah lagi, Kerajaan mengambil keputusan hendak menumpukan segala daya dan tenaganya untuk menamatkan darurat. Dengan kurnia Allah Subhanahu wa Taala, usaha tersebut telah berjaya pada 31hb Julai, 1960.

Seelok sahaja selepas darurat ditamatkan dengan resminya, maka Kerajaan pun mengerahkan segala daya dan tenaganya serta alat-alat Kerajaan, terhadap pembangunan negara. Oleh sebab itu, Kerajaan telah membentuk suatu Kementerian baru yang dinamakan Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan mengumumkan dasar atau polisinya, untuk melancarkan satu rancangan Kemajuan Luar Bandar Kebangsaan, dan rancangan ini telah diberi keutamaan yang tinggi sekali daripada rancangan-rancangan Kerajaan yanglain. Kerajaan Perikatan adalah berazam hendak memberi layanan yang adil kepada penduduk-penduduk luar bandar, dan menolong menghapuskan perbezaan kedudukan ekonomi di antara orang-orang yang tinggal di kawasan luar bandar dengan yang tinggal di bandar-bandar serta memberi penduduk-penduduk luar bandar segala peluang dan kemudahan-kemudahan untuk kepentingan kemajuan mereka.

Dalam masa darurat selama dua belas tahun, penduduk-penduduk luar bandar telah mengalami kesangsaraan yang amat sangat, dan mereka telah berbakti kepada negeri ini dengan

baiknya. Sepanjang masa darurat dulu, maka amatlah sukar untuk menolong mereka dengan memberi bantuan dan kemudahan-kemudahan dalam daerah-daerah luar bandar. Dengan hal yang demikian, maka dengan tamatnya darurat, sewajarnya Kerajaan menumpukan perhatiannya kepada penduduk-penduduk luar bandar yang telah sentiasa taat kepada bangsa dan negara kita itu.

Lebih-lebih lagi, dengan tercapainya Kemerdekaan, maka adalah mustahak untuk memberitahu kepada rakyat jelata yang tinggal di negeri ini apa maknanya Kemerdekaan Negara itu. Kemerdekaan Negara hendaklah memberi taraf hidup yang lebih baik dan cara hidup yang lebih sempurna kepada rakyat jelata.

Dengan terbentuknya satu corak pemerintahan berdemokrasi di negeri kita ini, maka sepatutnyalah diadakan pula demokrasi dalam lapangan ekonomi. Demokrasi ekonomi bererti bahawa segala perkara yang memudahkan kehidupan manusia mestilah diberikan dengan lebih banyak lagi kepada sebahagian besar penduduk-penduduk di negeri ini, dan perbezaan-perbezaan taraf hidup di antara orang-orang kampung dengan orang-orang yang tinggal di bandar-bandar hendaklah diatasi. Penduduk-penduduk di kawasan-kawasan luar bandar yang kurang bernasib baik mestilah diberi keperluan ekonomi yang mustahak supaya mereka dapat membentuk suatu cara hidup yang sempurna dan dengan jalan ini maka dapatlah mereka mempertingkatkan dan memperbaiki taraf hidup mereka.

Kerajaan Perikatan adalah berazam menjalankan dasar kemajuan ini dan berazam menjayakan rancangan negara itu. Tanggungjawab utama yang harus dipikul oleh Kerajaan ialah melicinkan perjalanan pemerintahannya untuk melancarkan rancangan negara dengan jayanya. Adalah mustahak disatukan tenaga Jabatan-jabatan Kerajaan yang bertanggungjawab di dalam hal kemajuan, dalam segala peringkatnya. Dan Kerajaan haruslah menjalankan kerjanya sebagai satu jentera yang dipandu oleh satu pasukan yang bertujuan satu, iaitu mencapai matlamat yang tunggal—Kemajuan Luar Bandar. Satu perintah yang dinamakan Perintah Pertama telah dikeluarkan dan perintah ini menentukan bahawa hendaklah diadakan berbagai-bagai jawatankuasa dari peringkat Negara, membawa kepada peringkat negeri dan peringkat daerah; perintah ini juga telah menentukan tujuan, tanggungjawab dan

tugas-tugas jawatankuasa-jawatankuasa itu. Jawatankuasa-jawatan-kuasa tersebut adalah dikehendaki mengatur usaha-usaha semua jabatan-jabatan supaya jentera Kerajaan dapat dipandu ke arah satu tujuan, satu dasar dan satu cita-cita.

Sebelumnya Rancangan Pembangunan Luar Bandar Kebangsaan ini dilancarkan, sungguhpun projek-projek telahpun disediakan oleh Kerajaan untuk faedah penduduk-penduduk luar bandar. Penduduk-penduduk luar bandar sendiri tidak dapat mengecap faedah-faedah sebagaimana yang diharapkan. Ini ialah kerana tidak ada kesatuan tugas di antara usaha-usaha Kerajaan di segala peringkat dengan tujuan mencapai kemajuan yang sepenuh-penuhnya di kawasan-kawasan luar bandar itu. Rancangan Teragung atau Master Plan tidak ada, dan juga tidak ada kuasa mengawal yang cukup, di peringkat tertinggi untuk menentukan bahawa Kerajaan dapat menjalankan peranannya sebagai satu jentera yang cekap. Selain dan itu, usaha menyatukan dan usaha kerjasama dari hari ke sehari di kalangan Jabatan-jabatan Kerajaan dan Pegawai-pegawai Kerajaan yang berkhidmat di luar pejabat tidak mencukupi, oleh sebab tidak ada persefahaman antara satu pihak dengan pihak yang lain dalam tugas masing-masing. Dari itu, maka adalah menjadi tanggungjawab yang utama dan terpenting bagi Kementerian Pembangunan Luar Bandar memperbaiki penyakit-penyakit atau kekurangan-kekurangan di dalam susunan teraju Kerajaan yang telah kita terima dari semenjak masa kita belum mencapai Kemerdekaan.

Oleh itu, maka Kerajaan telah mengambil keputusan mengeluarkan Buku Merah yang menunjukkan dengan jelasnya tentang cara-cara menyatukan tenaga-tenaga Kerajaan di segala peringkat dan juga tentang cara-cara bagaimana kerja menyediakan rancangan yang sebenar dalam segala peringkat supaya terwujud satu Rancangan Teragung atau Master Plan yang mengandungi segala rancangan-rancangan atau projek-projek pembangunan Kerajaan, dan rancangan-rancangan taraf Jabatan, taraf negeri dan taraf daerah hendaklah disesuaikan dengan Rancangan Teragung itu.

Setelah enam bulan Buku Merah ini diterbitkan, segala usaha menyediakan rancangan telah diselesaikan, dan dengan sukacitanya saya melahirkan perasaan terima kasih saya terhadap semua Pegawai-pegawai Kerajaan, Ahli-ahli Jumaah yang dilantik dan khususnya Pegawai-pegawai Daerah kerana sambutan mereka terhadap seruan Kerajaan dalam tanggungjawab negara yang amat penting ini.

Apabila sahaja selesai kerja merancang Buku Merah, maka Kerajaan pun dengan resminya melancarkan Rancangan Lima Tahunnya yang Kedua yang mengandungi projek-projek yang termaktub di dalam Buku Merah dan juga lain-lain projek kerana kepentingan negara yang harus dijalankan sepanjang lima tahun yang akan datang. Rancangan Lima Tahun Peringkat Kedua ini telahpun selesai disusun dan dipersetujui oleh Parlimen pada bulan April tahun 1961. Dengan penerimaan Rancangan Lima Tahun Peringkat Kedua itu, kerja-kerja merancang pun telah diselesaikan dan tenaga Kerajaan pun ditumpukan ke arah melancarkan projek-projek yang terkandung di dalam Rancangan Lima Tahun.

Sebagai satu hasil melancarkan Buku Merah dan juga hasil dari lawatan-lawatan saya merata-rata tanah air kita ini, ke segenap negeri dan daerah, maka dapatlah saya mengatakan bahawa dengan berterus-terang, banyak kekurangan-kekurangan dan kelemahan-kelemahan dalam perjalanan jentera Kerajaan telah diperbaiki dan seluruh teraju Kerajaan telahpun diperlicinkan untuk memikul tanggungjawab negara dengan kelayakan dan penuh tenaga. Dengan lain-lain kata, tujuan Peringkat Pertama untuk Rancangan Pembangunan Luar Bandar—satu peringkat yang akan memakan masa sepanjang Lima Tahun ialah untuk mendapatkan kesemua Jabatan-jabatan Kerajaan bekerja seiring sebagai satu pasukan, baik di Peringkat Negara, atau Peringkat Negeri ataupun Peringkat Daerah; dan juga tujuannya ialah untuk melahirkan satu rancangan tertentu bagi tiap-tiap negeri dan daerah—rancangan-rancangan yang telah dimasukkan di dalam Rancangan Lima Tahun yang Kedua. Selain dari itu, adalah menjadi tujuan Peringkat Pertama untuk memperkemas sistem pembahagian tanah supaya dapat menggunakan dengan sepenuhnya kakitangan-kakitangan yang tersedia, juru-juru ukur dan sebagainya dan memberi keutamaan kepada pemohon-pemohon tanah yang sebenar-benarnya tidak mempunyai tanah. Kerajaan Perikatan percaya bahawa sebagai sebuah Kerajaan yang dipilih dan berdasarkan demokrasi, adalah sangat sesuai bahawa Peringkat Pertama Rancangan Kemajuan Luar Bandar Kerajaan haruslah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk memberi kepada penduduk-penduduk di luar bandar dengan keperluan-keperluan yang tertentu. Dengan cara demikian, Kerajaan telah meletakkan batu asas untuk didirikan kemajuan yang sebenar. Adalah tujuan Kerajaan Perikatan juga hendak memberi faham kepada rakyat negeri ini di mana sekali mereka itu tinggal bahawa Kerajaan

yang mereka pilih dengan kehendak mereka sendiri, adalah sebuah Kerajaan yang tidak akan melupakan mereka atau mencuaikan kehendak-kehendak dan harapan-harapan mereka. Sebenarnya, Buku Merah itu telah dirangka untuk menjaminkan, bahawa bagaimana jauhnya duduk sesebuah kampung itu, harapan dan keperluan rakyat itu sentiasa ada di dalam perhatian Kerajaan

Sesudah dijalankan Peringkat Pertama Rancangan Pembangunan Luar Bandar ini dalam masa setahun lebih, saya merasa berpuas hati dengan kejayaan-kejayaan yang telah tercapai dan saya telah melihat sendiri, dalam lawatan saya ke seluruh tempat di negeri kita, banyak sekali rancangan-rancangan yang telah siap, seperti pembinaan jalan-jalan raya, jambatan-jambatan, bekalan air, sekolah-sekolah, kelinik-kelinik dan berbagai-bagai lagi rancangan-rancangan yang sepertinya, yang telah dibuat semata-mata untuk memberi faedah dan kemudahan-kemudahan kepada penduduk-penduduk di luar bandar.

Saya juga merasa puas hati bahawa telah ada kemajuan-kemajuan yang besar bagi menyatukan tenaga-tenaga dan usaha Kerajaan, dan telah ada juga keterangan yang menunjukkan bahawa satu semangat atau jiwa baru dalam perkhidmatan telah timbul, dan satu perasaan tanggungjawab yang besar terhadap tugas mereka telah ditunjukkan oleh pegawai-pegawai yang berkenaan.

Sesudah dilancarkan Peringkat Pertama ini, maka telah tibalah masanya sekarang untuk melancarkan pula Peringkat yang Kedua, dan meminta semua penduduk-penduduk luar bandar supaya bertindak untuk meninggikan taraf hidup mereka dan melahirkan sebuah negara Tanah Melayu yang benar-benar maju. Kita mestilah mengerahkan seluruh jiwa dan tenaga orang-orang di luar bandar untuk kepentingan mereka dan kebaikan negara kita ini.

Sebelum kedatangan penjajah ke negeri ini dulu, kehidupan di kampung-kampung adalah sentiasa berada dalam satu suasana masyarakat yang aman tenteram. Penduduk-penduduk di kampung mencari keperluan-keperluannya dengan menggunakan tenaga dan kepandaiannya sendiri. Tetapi, keadaan hidup ini telah terkecewa di bawah pemerintahan penjajah. Kerana itu, kita mestilah hidup semula jiwa merdeka dan hasrat kita untuk mencari keperluan-keperluan kita hari-hari dengan menggunakan tenaga dan kepandaian kita sendiri.

Rancangan Pembangunan Luar Bandar kita akan mendatangkan perubahan dalam cara hidup, dan akan meninggikan taraf hidup rakyat kita. Tetapi dalam rangka pertukaran, mestilah juga ada penerusan. Cara kehidupan yang lama, jiwa dan tenaga mestilah dihidupkan semula dan diperbaharui. Tanah Melayu ialah sebuah negara yang muda, tetapi mestilah maju dan terus maju, tetapi jika di dalam perubahan yang kita akan hadapi, kita akan mengekal hak-hak pusaka kita, negara kita akan maju dan berdiri di atas asas yang kukuh.

Kerana itu, Peringkat Kedua Rancangan Kebangsaan ini memberi pengertian: Menghidupkan semangat lama rakyat untuk perjuangan bagi mencapai kemajuan.

Seperti yang saya katakan terdahulu dari ini, bahawa tingkat kemajuan yang dicapai oleh sesebuah negara adalah sebenar-benarnya membayangkan kemajuan yang telah dicapai oleh tiap-tiap rakyat dalam tugas-tugasnya pada tiap-tiap hari untuk meninggi dan memperbaiki taraf hidupnya. Kerana itu, kalau Tanah Melayu menjadi sebuah negara yang aman dan makmur, tiap-tiap seorang dari warganegaranya mestilah menjalankan tugas masing-masing. Kita mestilah ada mempunyai keberanian dan kekuatan seperti itu, untuk menjalankan tugas kita kepada negara kita, juga kepada diri kita sendiri. Kekuatan dan keberanian itu hendaklah datangnya daripada bangsa kita sendiri bukannya dari saluran-saluran dari luar negeri.

Dengan sebab itu, saya merayu kepada semua rakyat negeri ini istimewa kepada mereka yang tinggal di luar bandar, dan di kampung-kampung, marilah kita hidupkan semula semangat dan jiwa bangsa kita itu dan marilah kita tumpukan semua tenaga untuk memperbaiki taraf hidup kita dan menjadikan negara ini, sebenar-benarnya sebuah negara yang aman dan makmur untuk kita dan anak cucu kita kelak. Matlamat negara kita adalah terletak di dalam tangan kita.